

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Seorang pengarah syarikat Mega Cleantech Poly Industries Sdn. Bhd., Ng Wui Yin (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang, Selangor bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad daripada merekodkan dengan sempurna penggunaannya elektrik dengan cara mengusik pendawaian litar arus dengan memintas terminal S1 dan S2 alat ubah arus fasa merah, biru dan kuning meter di kilang Mega Cleantech Poly Industries Sdn. Bhd. Pada 4 Mac 2026, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM25,000. OKS telah membayar denda tersebut.